

26/05/2004

MAF guna SMS bantu pesakit Aids

By Halina Mohd Noor

KINI jumlah mangsa HIV/Aids wanita dan kanak-kanak semakin meningkat. Perangkaan Majlis Aids Malaysia (MAF) melaporkan pada 2003, ada 6,756 orang dijangkiti HIV dan daripada jumlah itu, 673 adalah wanita. Dalam tempoh itu, 137 wanita dijangkiti Aids daripada jumlah keseluruhan, iaitu 1,076 orang. Daripada 700 kematian akibat penyakit maut itu, 67 orang adalah wanita.

Hingga Disember 2003, 131 kanak-kanak bawah usia dua tahun dijangkiti HIV dan Aids, manakala 35 kes dijangkiti Aids. Sejumlah 333 kanak-kanak disahkan HIV berusia dua hingga 12 tahun dan 99 kes akibat Aids tahun lalu. Golongan muda dijangkiti HIV dan Aids berusia antara 13 hingga 19 tahun adalah 902 orang dan Aids sebanyak 190 kes. Jumlah dewasa berusia 30 hingga 39 tahun dijangkiti HIV dan Aids adalah paling ramai, iaitu sebanyak 24,793 daripada jumlah keseluruhan, iaitu 58,011 orang.

Bagi setiap pesakit HIV, ada orang lain di sekelilingnya yang turut mengalami perubahan ketara dalam kehidupan mereka. Keaiban pesakit HIV/Aids (PLHWA) turut dihadapi kaum keluarga. Malah seisi rumah juga turut menderita akibat keaiban itu. Kerap kali mereka dipulaukan daripada masyarakat. Perasaan anak turut terganggu apabila rakan dan jiran memandang serong terhadap mereka.

Dalam kebanyakan kes, keluarga itu dihalau dari kawasan tempat tinggal yang mereka diami sekian lama. Lebih menyedihkan mereka turut disingkir keluarga, kehilangan pekerjaan sebaik saja majikan mengetahui penyakit mereka. Kebanyakan PLHWA hidup menderita dan terpaksa merahsiakan sakit masing-masing yang secara tidak langsung memburukkan lagi stigma masyarakat terhadap mereka.

Pasangan ibu bapa yang disahkan HIV positif hidup dalam kebimbangan mengenai masa depan anak mereka apabila ketiadaan mereka kelak. Kematian bukan penamat kisah hidup apabila pasangan dan anak yang ditinggalkan berkemungkinan besar turut dijangkiti.

Ibu tunggal yang kematian suami menjadi penggantung harapan anak. Mereka terpaksa melalui kepayahan hidup lebih-lebih lagi jika tiada sebarang kemahiran mahupun pendidikan. Sementara itu, anak yatim piatu pula terpaksa tinggal di bawah pengawasan kebajikan dalam serba kekeliruan dan masa depan yang belum pasti.

Kisah kepayahan Sarah (bukan nama sebenar) kematian suami akibat HIV positif pada 2000 wajar dijadikan teladan agar masyarakat tidak terus melemparkan pandangan negatif kepada pesakit dan keluarga mereka. Ibu beranak usia tiga tahun itu adalah suri rumah yang tidak berpelajaran tinggi malah tidak pernah bekerja. Dia terpaksa bekerja membesarkan anaknya sendirian sebagai jurujual dengan pendapatan hanya RM700 sebulan.

Kanak-kanak yang kehilangan ibu bapa akibat HIV/Aids seperti Murthy (bukan nama sebenar) turut merasai kesannya. Selepas kematian ibu bapanya dan adiknya, Murthy bersama kakaknya yang berusia 9 tahun (juga dijangkiti HIV positif) tinggal bersama nenek mereka yang hanya mengambil upah sebagai pencuci baju. Pendapatan yang tidak seberapa ditambah usia yang semakin meningkat, tentu saja ia membebankan neneknya untuk memelihara dan membeli ubat untuk kakaknya. Mereka hidup dalam serba kekurangan. Murthy menulis surat kepada MAF memohon agar kehidupan mereka dapat dibantu. Dalam suratnya beliau berkata: "Apabila dewasa kelak, saya mahu menjadi doktor agar saya boleh pastikan tiada orang mati akibat Aids."

Rosiah (bukan nama sebenar) sering menangis memikirkan nasib dua anaknya

yang masih kecil selepas kematian suaminya akibat Aids beberapa tahun lalu. Beliau sendiri dijangkiti Aids dan tidak mungkin dapat melihat anaknya membesar. Rosiah memerlukan rawatan menggunakan tiga jenis ubat, iaitu RM600 sebulan. Dengan bantuan kerajaan, beliau menerima RM1,200 sebulan tetapi ia sekadar cukup untuk membayar sewa rumah dan membesarkan anaknya.

Mereka yang dijangkiti HIV dan Aids berhak untuk hidup seperti orang lain. Mereka juga mempunyai impian dan keinginan, gembira dan puas. Justeru, MAF melancarkan kempen Tabung Circle of Hope bagi membantu golongan ini. Dirasmikan oleh Pengerusi MAF, Datin Paduka Marina Mahathir, baru-baru ini, kempen itu bersempena Hari Memperingati Aids Antarabangsa 2004. Program berkenaan turut mendapat kerjasama Astro, Pesaka Grey Sdn Bhd dan Red Communications Sdn Bhd.

"Tabung Circle of Hope disalurkan kepada tiga skim istimewa, iaitu skim Pediatrik Aids (untuk kanak-kanak), skim bantuan ubat-ubatan untuk pesakit dan skim bantuan perniagaan untuk pesakit. Setiap tahun, MAF memperuntukkan hampir RM800,000 bagi memastikan pesakit kekal sihat, menyelamatkan anak pesakit daripada menjadi yatim piatu, memastikan keperluan asas dan seharian anak pesakit dipenuhi dan mengurangkan masalah kewangan mereka dan meningkatkan pendapatan," katanya.

Marina berkata bagi membantu golongan ini, orang ramai boleh menderma dengan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS). Taipkan perkataan `MAF' untuk menderma dan jika ingin menderma setiap bulan, taipkan `MAF ON' dan hantarkan kepada 36886. Setiap SMS dikenakan bayaran RM2.50 yang akan disalurkan kepada tabung ini.

"SMS adalah cara paling mudah untuk menderma. Melalui skim yang disediakan, ramai antara mereka (pesakit dan keluarga) dapat berniaga kecil-kecilan melalui pinjaman tanpa faedah RM1,000. Melalui perniagaan ini mereka dapat menampung perbelanjaan keluarga. Setakat ini, tujuh orang menerima skim bantuan perniagaan ini," katanya.

Sejak 1996, 362 kanak-kanak menerima faedah skim Pediatrik Kanak-Kanak. Seramai 50 kanak-kanak beribu bapa HIV positif, 118 kehilangan salah seorang ibu bapa akibat Aids dan 24 lagi yatim piatu. MAF membelanjakan RM5,000 sebulan pada 2000 dan hari ini memerlukan sekurang-kurangnya RM24,000 sebulan. Sementara itu, RM480,000 setahun diperlukan untuk skim bantuan ubat-ubatan. Belanja ubat seorang pesakit sebulan adalah sebanyak RM400 atau RM4,800 setahun. Bantuan ini diperlukan untuk meringankan beban pesakit dan keluarga mereka.

Sumbangan anda amat dialu-alukan bagi meringankan beban pesakit dan keluarga mereka. Berikan mereka harapan dan peluang terutama untuk wanita dan kanak-kanak yang tidak berdosa untuk meneruskan kehidupan seperti orang lain. Hantarkan SMS anda sekarang.

(END)